



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

LEVELS OF IMAN TAHAP KEIMANAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Anzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Mubhammadin Sayyidul Anwwalin wal Aakhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sobba, wal khayru fil jamiyya.*

Ini adalah himpunan, jemaah dan masyarakat yang indah. Kita berhimpun demi kebaikan. Tangan Allah di atas masyarakat yang berbuat baik. Jemaah yang tidak buat baik bukan lah jemaah nama nya, ia terdiri dari masyarakat yang tidak baik.

Kita harus tumpukan semua niat kita untuk Allah demi mendapat keredaan nya. Ramai yang tidak tahu hala tujuan mereka, sebab asbab mereka hidup dan mengapa mereka di lahir di dunia ini. Mereka menjadi dukacita, tiada berharapan dan hidup dalam kesengsaraan

Seorang insan adalah Mukkaram (Mulia), Muazzam (Hebat) dan Muazzaz (Terhormat) Jika di banding dengan makhluk yang lain. Allah ﷻ memberi mereka derajat yang tinggi. Jika mereka mengakui Allah, maka lebih tinggi derajat mereka. Jika mereka lebih mengakui keesaan Allah lebih tinggi derajat nya, dan hidup mereka dalam aman. Jika dia tidak mengakui keesaan Allah dan tidak tahu matlamat mereka dalam dunia, mereka akan sentiasa komplain, menangis, menderita, dan hidup dalam kegelisahan.

Tetapi jika seseorang mengakui keagungang Allah dan tahu sebab mereka dijadikan Allah, semua penderitaan akan menjadi senang. Ini bermakna dia beriman. Orang beriman menerima apa saja dari Allah ﷻ. Allah bersama kita. Allah Maha Melihat dan Maha Mendengar. Allah menyaksi kita setiap masa. Maka orang yang beriman tidak melaku maksiat atau kejahatan dan tidak patuh kepada Ego mereka, (termasuk hasad, dengki, tamak, haloba, pra-sangka, kemarahan, cemburu, dendam kesumat, kejam mengejam dan lain lain lagi.) Bila seorang dapat mengawal Ego nya barulah Allah beri mereka ketenteraman dan kegembiraan dan akhir hidup mereka baik.

Jangan lah mencari ketenteraman dan kegembiraan dalam perkara maksiat atau kejahatan. Perkara maksiat atau kejahatan (dan tidak mengawal ego) akan membawa kepada kesengsaraan dan kegelisahan dalam hidup. Jika kesengsaraan hanya sedikit tetapi lama



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

kelamaan dia akan lebih ketara. Sama seperti seorang yang makan ubat tahan sakit bila dia sakit gigi, “Saya selesa sekarang tidak perlu jumpa doktor.” Tetapi bila sakit datang semula, dia rasa sakit balik, begitu lah kesan buat kejahatan.

Maka rawatan nya ialah Kebijaksanaan mengetahui sebab kita di turun di dunia dan membuat kerja yang bersesuaian dengan kebijaksanaan itu. Buat amalan yang baik. Sesiapa yang buat amalan yang baik akan di balas dengan baik dan sesiapa yang buat jahat akan di balas dengan azab.

Semua para nabi akan sampaikan sebagaimana kami terangkan. Hanya yang segelintir menerima nya. Jadi hanya segelintir yang beriman. Ramai orang Muslim tetapi tahap keimanan mereka berlainan. Itu lah sebab mengapa ramai orang Muslim sengsara. Keimanan mereka belum mantap. Semua orang yang mengucap syahdah adalah Muslim tetapi tahap keimanan mereka berlainan.

Semua perkara mempunyai tahap dan taraf nya. Tahap para nabi amat tinggi mereka tidak gentar bila menghadapi kesusahan . Mereka tidak mengadu langsung. Mereka tidak akan mengucap ‘Ugh!’ atau ‘Ah’ kerana mereka mempunyai keimanan yang kukuh.

Selepas Nabi, adalah para sahabat. Mereka para salihan. Walaupun mereka disiksa dalam kesakitan mereka tidak mengadu atau lari bertempieran. Mereka tidak akan jadi murtad. Ada suatu peristiwa kumpulan pengkhianat dari kalamgan arab badawi. Mereka meminta Rasulullah ﷺ “Hantar lah orang untuk mengajar kami tentang Islam.” Bila mereka tiba untuk mengajar, mereka di perangkap dan di bunuh. Dua di antara mereka melarikan diri dan akhir nya di tangkap. Mereka di jual kepada orang kafir di Mekah. Mereka di beli untuk balas dendam mereka dalam berperangan Badr.

Mereka di seksa untuk beberapa hari. Mereka di seksa dengan amat kejam. Mereka berkata kepada tawanan Islam itu. “ Kita seksa kamu kerana balas dendam. Berpaling tadahlah kamu dan bermurtad lah kamu terhadap agama Islam dan kami akan lepaskan kamu.” “Tidak, kami tidak akan jadi murtad,”jawapan tegas orang Islam itu. Orang kafir bertanya lagi, “Kenapa kamu rela disiksa kerana Nabi mu?” Orang Islam menjawab, “Kita tidak akan benarkan se ulas duri menyocok Nabi Muhammad ﷺ demi Allah.”

Di sini, menunjukkan tahap keimanan yang tinggi. Tiada seksaan, kederitaan, kesakitan yang boleh gugat keimanan mereka. Kini situasi di dunia amat sukar, tetapi kita



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

akan menghadapi nya dengan penuh kesabaran dan ketabahan. Hendaklah kita bersyukur atas nikmat nikmat nya. Allah bersama kita. Allah maha menyaksi dan hadir.

Manusia tidak akan tinggalkan dunia ini sehingga rezeki mereka tamat. Selagi rezeki dan nikmat nikmat nya yang di tulis untuk nya masih ada, selagi itulah mereka tidak harus berdukacita dan bersedih.

Allah itu Ar Razzaq dan Allah Maha Pemberi. Masalah kecil jangan di hiraukan. Moga Allah menolong kita. Inshallah.

Tahun ini, Inshallah 1437. Tahun Hijri ini tidak lama lagi akan berakhir dan ia akan jadi tahun 1438 Inshallah. 1 Muharram akan jatuh pada hari Ahad. Kita laksanakan ibadah puasa sunnat pada akhir thun 29 Dzul Hijjah dn 1 Muharam. .

Yang lebih penting ia lah berpuasa pada Hari Ashura. 9-10 Muharram atau 10-11 Muharram . Atau berpuasa tiga hari 9,10 dan11. Banyak ganjaran pahala nya Inshallah.

InshaAllah sesiapa yang mandi dan berwudhu pada hari Ashura akan di selamatkan dari penyakit pada tahun itu. Sesiapa yang membeli bekalan untuk rumah dan memberi wang saku kepada kanak kanak akan selesa pada tahun itu Inshallah dan tidak akan menderit. Ada shalat empat rakaat pada hari itu. 11 surah ikhlas di baca pada setiap rakaat. Ada doa yang istimewa. Moga Allah menerima nya Inshallah. Moga Allah panjangkan umur kita Inshallah.

Ini ia lah amalan kita jangan terjerumus dengan maksiat pada malam hari. Jangan mendekati nya.

Moga Allah rahmati kita dan moga tahun ini penuh dengan kejayaan untuk kita. Seluruh dunia ingin menjatuhkan dunia Islam. Inshallah , Mahdi Alayhis Salam akan muncul. Ini janji Allah dan seluruh dunia akan jadi Islam. Inshallah.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
30 September 2016/28 Zulhijja 1437
Alanya Dargah